

## **BAB 1: LATARBELAKANG ORANG INDIA DI TANAH MELAYU**

Perhubungan di antara Tanah Melayu dengan India sudah lama wujud. Walaupun tarikh sebenar pelayar-pelayar India melepas Teluk Bengal dan datang ke Tanah Melayu tidak pasti, tetapi semasa pemerintahan Dinasti Gupta di India (320-544 TM), pengaruh India telah bertapak kukuh di Indochina atau Tanah Besar Asia Tenggara, Kepulauan Melayu dan Semenanjung Melayu.<sup>1</sup> Perhubungan di antara pelabuhan Asia Tenggara dengan India mungkin telah bermula semenjak pra-sejarah lagi,<sup>2</sup> tetapi perhubungan di antara kedua-dua tempat ini tidak dicatatkan dengan tepat dalam catatan-catatan tempatan ataupun di India. Kalau adapun hanya disebut secara samar-samar dalam puisi klasik Sanskrit dan puisi Istana Tamil<sup>3</sup> dan catatan-catatan ini dijadikan panduan oleh ahli-ahli sejarah untuk mentafsir perhubungan di antara Asia Tenggara dengan India.

Perhubungan di antara Asia Tenggara dan India telah diadakan oleh pedagang-pedagang dan ahli-ahli pelayaran dari kedua-dua pihak kerana orang Melayu juga merupakan ahli-ahli pelayar yang handal. Banyak bukti menunjukkan bahawa mereka juga telah pergi ke pelabuhan-pelabuhan India dan Sri Lanka sama seperti pedagang-pedagang India telah melawat pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara.<sup>4</sup> Profesor F.D.K. Bosch setelah mempelajari senibina Hindu di India dan Indonesia berpendapat pedagang-pedagang Asia Tenggara juga memainkan peranan penting dalam perdagangan di antara India dan Kepulauan Melayu.<sup>5</sup>

### **Perhubungan Tanah Melayu dan India sebelum kedatangan British**

Nama tempat yang terawal yang dapat dihubungkan dengan Asia Tenggara ialah *Yavadvipa* yang dinyatakan dalam *Ramayana* sebagai sebuah

pulau emas dan perak. Nama lain yang digunakan untuk merujuk Asia Tenggara secara meluas sampai sekarang ialah *Suvarnadvipa* atau *Suvarnabhumi*, nama Sanskrit yang bermaksud ‘Pulau Emas’ atau ‘Semenanjung Emas’.<sup>6</sup> Orang India yang awal berpendapat Suvarnabhumi merupakan tempat yang sangat kaya dan setengah orang berpendapat ia adalah Sumatera atau keseluruhan Kepulauan Melayu termasuk Semenanjung Melayu. Tidak dapat dinafikan semua pelayaran dari India ke Kepulauan Melayu disebabkan oleh kekayaan. Profesor R.C. Majumder menyatakan,<sup>7</sup>

*“It literature mirrors the interests of an age, then trade and commerce must have been a supreme passion in India in the centuries immediately preceding and following the Christian Era.”*

India mempunyai pengaruh yang kuat ke atas Tanah Melayu sehingga abad ke-19 dari segi agama, kebudayaan, sistem politik, undang-undang, astrologi, perubatan, kesusasteraan, seni pemahatan batu permata, emas, perak, menyulam dan sebagainya.<sup>8</sup> Coedes mengemukakan empat unsur pengaruh Hindu yang mempengaruhi kebudayaan tempatan, iaitu konsep devaraja yang bersifat Hindu dan Buddha, penulisan sastera yang menggunakan bahasa Sanskrit, kepercayaan yang dipetik dari Hikayat-hikayat Ramayana dan Mahabharata, cerita-cerita Purana dan buku-buku Sanskrit lain yang mengandungi beberapa tradisi diraja dan hukum-hukum agama Hindu atau Undang-undang Manu.<sup>9</sup> Penghijrahan orang India secara beramai-ramai dan petempatan tetap bermula pada abad yang pertama Masihi disebabkan oleh perkembangan perdagangan.

Orang India yang datang pada awal Masihi tidak dapat pengaruhi bentuk fizikal penduduk tempatan Kepulauan Melayu sebagaimana orang Tamil Muslim dapat mempengaruhi orang Melayu Pulau Pinang pada abad ke-19. Pelayar –pelayar China menerangkan bahawa petempatan India yang terdapat di Kepulauan Melayu adalah petempatan orang tempatan yang telah menerima pengaruh India. Ini dibuktikan oleh penduduk Bali di mana hanya

7% daripada penduduk Hindu Bali menyatakan mereka keturunan Aryan. Bagaimanapun upacara agama Hindu yang dijalankan oleh orang Bhramin boleh menjadikan ketua-ketua orang tempatan itu menjadi orang Hindu Aryan.<sup>10</sup>

Orang India yang datang awal adalah pedagang-pedagang kaya dan duta-duta dari negara yang bertamadun Agong. Semasa Kesultanan Melayu Melaka, pedagang-pedagang Hindu dan Muslim dari India telah memainkan peranan penting dalam perdagangan Melaka dan memonopoli perdagangan kain di Asia Tenggara. Ramai di antara mereka telah memegang jawatan-jawatan penting dalam istana, kahwin dengan keluarga diraja dan mempunyai pengaruh dalam politik Melaka.<sup>11</sup> Pada masa itu di Melaka terdapat petempatan India yang diberikan nama Kampung Keling tetapi oleh kerana bilangan mereka ini sangat kecil, kepentingan mereka diabaikan.<sup>12</sup>

Semasa pemerintahan Portugis dan kemudian Belanda di Melaka, penglibatan orang-orang India dalam perdagangan di Melaka telah merosot dan hilang pengaruh politik mereka. Bilangan orang India yang kecil pada masa itu telah berkahwin dengan orang-orang tempatan dan berasimilasi dengan penduduk tempatan.<sup>13</sup> Walaupun pengaruh India kuat di Tanah Melayu tetapi bilangan orang India sangat kecil sebelum zaman British di Tanah Melayu.

Pada zaman moden atau selepas abad ke-18 perhubungan di antara Tanah Melayu dan India berlaku disebabkan oleh dua faktor, iaitu India menjadi pembekal buruh untuk kemajuan Tanah Melayu dan bahan makanan atau perdagangan<sup>14</sup>. Kedatangan imigran-imigran India ke Tanah Melayu semasa pemerintahan British adalah berlainan daripada imigran yang datang sebelum mereka. Semasa pemerintahan British, yang datang ke Tanah Melayu kebanyakannya adalah buruh-buruh tetapi sebelumnya kedatangan dari India merangkumi idea-idea, barang-barang dan orang.<sup>15</sup>

## **Kedatangan orang India selepas abad ke-18**

Kedatangan imigran-imigran India moden bertarikh apabila Pulau Pinang menjadi tanah jajahan orang British pada tahun 1786. Imigran-imigran terawal bagi orang India di Tanah Melayu ialah orang Sipahi yang mendarat bersama Francis Light di Pulau Pinang pada tahun 1786 untuk mempertahankan Pulau Pinang. Selain mereka golongan lain yang datang ialah golongan buruh, golongan profesional dan pedagang. Mereka datang terutamanya dari Benggala dan Madras. Kemudian ramai imigran-imigran peladang dari Benggala di bawah masuk untuk menanam rempah-rempah dan bahan-bahan makanan di Pulau Pinang.

Ramai buruh India Selatan telah datang ke Negeri-negeri Selat(NNS) Pulau Pinang dan Melaka pada akhir kurun ke-18.<sup>16</sup> Pada akhir abad ke-18 seramai 1000 orang India berada di Pulau Pinang.<sup>17</sup> Dengan pembukaan Singapura pada tahun 1819 dan pengambi-alihan Melaka pada tahun 1824 oleh British, keperluan buruh telah meningkat. Lebih ramai imigran-imigran India datang untuk mengambil kesempatan daripada beberapa peluang pekerjaan yang terbuka kepada mereka sebagai pedagang-pedagang, petani-petani, kerani-kerani, pekerja-pekerja rumah dan buruh-buruh.

Setengah penduduk imigran yang terawal di Tanah Melayu ialah banduan-banduan dari India. Pada tahun 1822 kerajaan India telah menjadikan NNS sebagai tempat pindahan banduan-banduan India dari India. Di antara tahun 1832 hingga 1837, setahun seramai 900 orang banduan India telah dihantar ke NNS.<sup>18</sup> Banduan-banduan ini bekerja dalam pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, jalan kereta api dan pelabuhan. Ada banduan-banduan India yang telah berasmilasi dengan orang tempatan terutamanya di Pulau Pinang. Pada tahun 1871 populasi orang India di NNS ialah 33,390 orang dan pada tahun 1891 adalah 74,104 orang di NNS dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).<sup>19</sup> Pada tahun 1873 penghantaran

banduan-banduan India telah dihentikan. Apabila penghantaran banduan-banduan India dihentikan, Tanah Melayu mengalami kekurangan tenaga buruh yang diperlukan bagi kemajuan-kemajuan yang dijalankan oleh British dan pembukaan ladang-ladang bagi tanaman-tamanan komersial.

Kedatangan imigran-imigran India secara besar-besaran berlaku disebabkan oleh perluasan pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun 1870an. Perluasan kuasa Britiah di Tanah Melayu berlaku secara beransur-ansur dan menjelang tahun 1909 British berjaya meluaskan kuasanya di seluruh Tanah Melayu. Kestabilan politik dan galakan-galakan daripada pihak British telah membawa pengaliran modal yang banyak dari luar terutamanya dari Eropah. Ini telah membawa kemajuan dalam sektor pertanian komersial. Hasil pertanian yang penting pada tahun 1820an ialah lada hitam dan lada, pada tahun 1830an ialah tebu dan kopi pada tahun 1870an. Pertanian di Tanah Melayu mencapai zaman kegemilangan pada zaman getah.<sup>20</sup>

Ekonomi moden Tanah Melayu bergantung kepada bahan-bahan eksport seperti getah, kelapa sawit dan bijih timah. Pertanian telah memainkan peranan penting dalam ekonomi Tanah Melayu dan menyumbangkan 40% daripada pendapatan negara dan merupakan 75% daripada nilai eksport pada tahun 1950an.<sup>21</sup> Majoriti orang India secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam pertanian terutamanya di akhir abad ke-19. Pada tahun 1931, 60% orang India terlibat dalam kegiatan pertanian manakala pada tahun 1947 ialah 53%.<sup>22</sup>

Imigran-imigran buruh India Selatan telah dibawa untuk bekerja di ladang-ladang. Pada awal tahun 1901an jumlah orang India di NNS dan NNMB ialah 120,000 orang dan pada tahun 1947 ia meningkat kepada 600,000 orang di seluruh Tanah Melayu dan Singapura. Semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 populasi orang India adalah lebih kurang 820,000 orang.<sup>23</sup>

Majoriti imigran-imigran India ialah orang Tamil yang datang dari India Selatan. Pada tahun 1947, orang Tamil merupakan 77% daripada jumlah orang India di Tanah Melayu dan Singapura. Selain mereka orang India yang datang dari India Selatan ialah Malayali dan Telegu dan yang lain datang dari Utara India iaitu orang Punjabi, Benggali, Gujerati dan Sindhi.<sup>24</sup> Pengkhususan kerja orang India berkait rapat dengan keturunan mereka. Orang Tamil kebanyakannya menjadi buruh-buruh di ladang getah dan sebahagian kecil bekerja dalam jabatan kerja awam kerajaan. Orang Telegu juga kebanyakannya menjadi buruh-buruh di ladang dan orang Malayali pula bekerja sebagai pekerja mahir di ladang-ladang dan terlibat dalam pekerjaan profesional. Orang Tamil Sri Lanka pula kebanyakannya berkhidmat sebagai pegawai-pegawai dan kakitangan bawahan dan juga menjadi golongan profesional.<sup>25</sup> Kebanyakan orang India Utara kecuali orang Sikh bekerja sebagai saudagar-saudagar dan pedagang-pedagang dan orang Sikh pula berkhidmat sebagai polis, askar dan jaga. Orang Sikh yang dibawa untuk berkhidmat dalam polis dan tentera tidak ada hubungan sosial yang rapat dengan orang India lain sehingga pendudukan Jepun di Tanah Melayu.<sup>26</sup>

### *Imigran-imigran Buruh*

Kumpulan terbesar imigran-imigran India ialah imigran-imigran buruh, iaitu 70% daripada jumlah orang India di Tanah Melayu.<sup>27</sup> Permintaan buruh India telah meningkat apabila tanaman komersial ditanam secara besar-besaran untuk dieksport dan India Selatan menjadi pembekal buruh-buruh kepada peladang-peladang Eropah. Ini disebabkan kerana orang tempatan, iaitu orang Melayu tidak suka bekerja mengikut masa dan mereka lebih suka bekerja di kebun-kebun kecil mereka. Walaupun orang Cina merupakan pekerja-pekerja yang rajin tetapi mereka menuntut gaji yang tinggi dan susah untuk dikawal. Selain itu orang Cina lebih suka bekerja dengan kaumnya sendiri.

Oleh itu peladang-peladang Eropah lebih suka mengambil buruh India kerana mereka rajin, mudah dilatih, murah dan senang dikawal. Mereka juga senang dieksplotasi. Keadaan ekonomi dan sosial di negara India juga memberikan tekanan kepada buruh-buruh India untuk berhijrah. Pada awalnya buruh-buruh India dibawa secara buruh kontrak. Buruh-buruh kontrak India dibawa untuk bekerja di ladang-ladang tebu, jabatan-jabatan kerajaan dan ladang-ladang yang tidak menarik buruh-buruh lain.

Tuan-tuan ladang atau jabatan kerajaan Britain membawa buruh-buruh melalui agen mereka di Madras atau Nagapatnam. Mereka akan memohon bagi membawa buruh-buruh India melalui agen mereka di India. Agen akan hantar orangnya ke kampung-kampung untuk dapatkan buruh-buruh. Buruh-buruh akan menandatangani kontrak untuk bekerja dengan majikan mereka selama lima tahun. Mereka tidak boleh tukar majikan atau tempat kerja. Dalam masa ini mereka boleh sambung kontrak selama lima tahun lagi atau dibebaskan. Gaji ditetapkan pada waktu mereka menandatangani kontrak dan gaji itu tetap dan tidak akan berubah selama mereka bekerja di bawah kontrak.<sup>28</sup> Pada tahun 1876 tempoh bekerja buruh-buruh kontrak ditetapkan tiga tahun dan tambang mereka ke Tanah Melayu dibayar oleh majikan-majikan mereka.<sup>29</sup> Pada mulanya buruh-buruh kontrak dibawa untuk bekerja di ladang-ladang tebu di Seberang Prai dan apabila Perjanjian Pangkor ditandatangani pada tahun 1874 peladang-peladang Eropah mula membuka ladang-ladang di NNMB. Oleh itu peladang-peladang tebu memerlukan buruh-buruh untuk bekerja di ladang-ladang mereka dan sanggup ‘membeli’ semua buruh-buruh India yang dibawa ke Tanah Melayu.

Pada tahun 1877 bagi mengawal kedatangan imigran India dan menjaga kebijakan mereka Kerajaan Madras melantik seorang *Protector of Emigrants* dan kerajaan NNS melantik seorang Agen Immigran yang bertempat di Nagapatnam.<sup>30</sup> Menjelang 1910 apabila sistem tersebut

dihapuskan, lebih kurang 250,000 telah pun memasuki Tanah Melayu sebagai buruh-buruh kontrak.<sup>31</sup>

Sistem buruh kontrak telah membawa banyak masalah kepada majikan dan buruh-buruh kerana kesihatan buruh tidak dipentingkan semasa dibawa. Di dalam kapal-kapal laut ramai buruh dimuatkan dalam ruangan yang kecil. Selain itu pembukaan hutan-hutan tebal di Tanah Melayu telah menyebabkan jangkitan penyakit Malaria kepada buruh-buruh India. Ini semua telah menyebabkan kadar kematian tinggi di kalangan buruh-buruh India.

Satu lagi kumpulan besar imigran buruh datang ke Tanah Melayu mulai tahun-tahun 1860an melalui sistem Kangany. Mereka ini diambil bekerja oleh Kangany atau penyelia yang dibayar bagi setiap seorang buruh yang dapat dicarinya. Kangany-kangany akan pergi ke kampung-kampung mereka dan mencari kawan-kawan atau saudara-mara untuk dibawa ke Tanah Melayu. Mereka selalunya akan memberikan gambaran kehidupan selesa dan menjanjikan gaji yang tinggi kepada buruh-buruh yang dibawanya. Penyalahgunaan sistem Kangany menyebabkan ia dibatalkan pada tahun 1938.<sup>32</sup>

Mulai 1901 hingga 1938 lebih kurang 300,000 orang India telah datang setelah ditawarkan tambang percuma. Selebihnya datang atas dayausaha sendiri dengan perbelanjaan mereka sendiri. Lebih 800,000 daripada jumlah ini tiba di antara tahun 1916 dan 1941.<sup>33</sup> Kebanyakannya daripada mereka yang datang atas dayausaha mereka sendiri itu adalah buruh-buruh mahir. Di antara mereka ialah tukang-tukang perahu, pekerja-pekerja bangunan dan kilang, tukang-tukang masak, pekerja-pekerja rumah, tukang-tukang cuci dan pemanjat-pemanjat tuak.

Selain buruh kontrak dan buruh Kangany, buruh bebas juga telah dibawa oleh kerajaan untuk bekerja di jabatan-jabatan kerajaan terutamanya jabatan kereta api. Perbelanjaan membawa buruh kontrak lebih mahal daripada buruh-buruh bebas. Buruh-buruh bebas juga dibawa dengan kontrak sebulan demi sebulan dengan perbelanjaan majikan.<sup>34</sup>

Jadual 1: Perbandingan Buruh Kontrak dan Buruh Bebas

Tahun	Buruh Kontrak	Buruh Bebas
1904	2,600	3,300
1906	3,700	20,000
1907	5,500	24,700

Sumber: Akhbar The Indian, 10 Julai 1937.

Jadual ini menunjukkan peningkatan dalam pembawaan buruh-buruh bebas berbanding dengan buruh-buruh kontrak. Buruh-buruh bebas telah mula dibawa ke Tanah Melayu pada akhir tahun 1899an. Buruh-buruh bebas yang sudah berkahwin akan diberikan bilik berasingan dan orang bujang diberikan tempat seperti bangsal untuk mereka tinggal mengikut kasta masing-masing.<sup>35</sup>

Pada mulanya Syarikat *Messrs. Kennedy and Co. of Penang* telah ditanggungjawab sebagai agen untuk membawa buruh-buruh bebas.<sup>36</sup> Kos seseorang buruh bebas yang mendarat di Pulau Pinang ialah \$19 dan \$16 dikutip dari buruh itu. Manakala kos seseroang buruh yang mendarat di Pelabuhan Kelang ialah \$21.50. Mereka akan dibekalkan dengan selimut dan peralatan masak dan kos keseluruhannya lebih kurang \$24.<sup>37</sup> Apabila sampai di Pelabuhan Kelang mereka akan diserahkan kepada Agen Immigresen India. Di sana mereka akan tandatangan kontrak dan diserahkan kepada majikan. Dalam Jawatankuasa Immigresen India ada seorang wakil India dan pada tahun 1900 wakil orang India ialah Tambusamy Pillai.<sup>38</sup>

Perbelanjaan membawa buruh akan ditolak dari gaji mereka. Selepas ditolak perbelanjaan mereka dibawa, gaji seseorang buruh bebas India adalah \$2.00 hingga \$ 3.00 sebulan. Buruh-buruh bebas boleh berhenti kerja dengan memberikan notis sebulan. Seorang buruh India dibayar gaji sebanyak 30 sen sehari manakala buruh tempatan dibayar gaji 45 sen sehari.<sup>39</sup> Kalau perbelanjaan membawa buruh-buruh India tidak dikutip pun, pihak kerajaan masih untung. Seseorang buruh bebas dapat memulangkan wang pendahuluan dan seluruh kos perbelanjaannya dalam tempoh masa 6 hingga 7 bulan.<sup>40</sup>

Pada tahun 1900 Heslop Hill yang tahu bahasa Tamil menjadi agen mengambil buruh di India. Pada tahun 1899 seramai 1100 orang dibawa untuk bekerja dalam pembinaan jalan kereta api di bahagian Kajang, Selangor dan daripada jumlah ini seramai 114 orang telah mati, 88 orang balik ke India dan 229 orang telah dimasukkan ke hospital kerana sakit.<sup>41</sup> Walaupun ramai buruh India yang dibawa ke Tanah Melayu telah meninggal dunia kerana pelbagai penyakit tetapi masih terdapat peningkatan dalam kedatangan buruh-buruh India. Dalam kedatangan buruh-buruh India, buruh-buruh bebas telah bertambah dari tahun demi tahun sehingga ia mengatasi buruh Kangany .

Jadual 2: Perbandingan Buruh Bebas dan Buruh Kangany.

Tahun	Buruh Bebas	Buruh Kangany
1920	8,600	62,000
1921	1,900	12,700
1922	4,100	31,000
1923	6,800	20,100
1925	17,000	43,300
1927	28,600	75,800
1929	26,000	44,300
1930	12,900	21,200
1934	31,800	1,400

Sumber: *Laporan Depoh Labourer Commission* yang disiarkan dalam akhbar Tamil Nesan, pada 31 Ogos 1955.

Di antara tahun 1923 hingga 1929 imigran India telah datang secara besar-besaran . Oleh itu Akta Buruh India 1922 (*Indian Immigration Act of 1922*) telah dilaksanakan oleh kerajaan India bagi mengawal kedatangan imigran bagi tujuan melindungi orang India di luar negara.<sup>42</sup> Akta Buruh India telah digubal di India pada tahun 1922 tetapi ia dikuatkuasakan di Tanah Melayu mulai Mac 1923.<sup>43</sup>

Oleh kerana pertambahan dalam kedatangan imigran menyebabkan mulai Mac 1923, kedatangan imigran-imigran India telah dikawal oleh pegawai-pegawai Tanah Melayu dan juga pegawai-pegawai India di India berkaitan dengan imigran buruh India secara khusus dan orang India lain secara umumnya. Kerajaan India telah melantik seorang Agen Kerajan India di Tanah Melayu dengan syarat-syarat yang disetujui oleh kerajaan British di Tanah Melayu. Untuk membolehkan Agen India itu mengenali keadaan tempat kerja buruh dan layanan yang diberikan kepada mereka, dia telah diberikan kuasa untuk melawat ladang-ladang dan tempat kerja buruh-buruh India. Agen India perlu melaporkan sebarang kekurangan atau masalah kepada pegawai Pengelola Buruh (*Controller of Labour*) di Tanah Melayu. Semua perlaksanaan dan pertadbiran berkenaan buruh-buruh adalah tanggungjawab Pengelola Buruh.<sup>44</sup>

Selain dari Akta Buruh India, Tabung Immigresen India (*Indian Immigration Fund*) juga telah ditubuhkan bagi menjaga kebajikan buruh-buruh India. Oleh kerana kurang puas hati dengan keadaan buruh-buruh di Tanah Melayu, pada tahun 1907 Tabung Immigresen India telah ditubuhkan. Tabung Immigresen India merupakan cukai atau levi yang harus dibayar oleh majikan-majikan yang mengambil buruh-buruh India di Tanah Melayu, terutamanya majikan-majikan ladang getah. Cukai ini dikutip tiga bulan sekali setiap tahun dan cukai ini berdasarkan tafsiran hari kerja buruh India tiga bulan tersebut. Cukai ini merupakan sebahagian daripada gaji buruh-buruh

India yang dikutip dari majikan dan dimasukkan dalam Tabung Immigresen India bagi menjaga kebajukan buruh-buruh India. Kalau tidak ada tabung ini gaji buruh-buruh India sepatutnya lebih daripada gaji yang mereka dapat ketika itu. Salah satu faktor tidak diberikan kenaikan gaji bagi buruh-buruh India adalah kerana tabung ini. Tabung ini merupakan satu-satunya harta bagi golongan buruh India.<sup>45</sup>

Semasa zaman kemelesetan ekonomi dunia, di antara tahun 1930 hingga 1933, imigran-imigran India yang telah pulang ke India adalah tiga kali lebih besar daripada yang datang ke Tanah Melayu. Ini disebabkan kejatuhan harga getah, iaitu 370,000 orang meninggalkan Tanah Melayu dan 120,000 datang ke Tanah Melayu.<sup>46</sup> Selepas tahun 1934 ada peningkatan dalam kedatangan imigran-imigran India tetapi tidak mencapai tahap pada tahun 1920an.<sup>47</sup>

Pada tahun 1938 kerajaan India telah mengharamkan kedatangan buruh-buruh India tidak mahir ke Tanah Melayu kerana gagal mencapai kata sepakat dalam gaji minima buruh India. Ini disebabkan kerana diskriminasi kerajaan Tanah Melayu dalam pembayaran gaji kerana buruh-buruh India dibayar gaji yang rendah berbanding buruh-buruh lain.<sup>48</sup> Gaji buruh-buruh India telah dikurangkan 10% mulai 1 Mei 1938. Gaji lelaki daripada 45% dikurangkan kepada 40%, gaji perempuan dikurangkan daripada 40% kepada 35% akibat eksport getah dikurangkan daripada 90% kepada 60%.<sup>49</sup>

Oleh kerana gaji buruh telah dikurangkan pada tahun 1938, kerajaan India telah mengharamkan kedatangan buruh-buruh India tidak mahir mulai 15 Jun 1938. Kerajaan India telah mengumumkan kepada buruh-buruh India di Tanah Melayu bahawa buruh-buruh yang telah kehilangan pekerjaan dan yang tidak mahu bekerja dengan gaji rendah boleh memohon kepada kerajaan British di Tanah Melayu supaya mereka boleh dihantar balik ke India dengan menggunakan wang Tabung Immigresen

India.<sup>50</sup> Pada Oktober 1938, pihak British di Tanah Melayu bagi pihak peladang-peladang telah menghantar satu utusan ke India bagi berbincang dengan kerajaan India tentang sekatan kedatangan imigran India bukan buruh mahir supaya ditimbangkan semula.<sup>51</sup> Walau bagaimanapun perbincangan ini tidak mencapai kata sepakat kerana Perang Dunia Kedua telah meletus dan perbincangan ini telah ditangguhkan.

Selepas Perang Dunia Kedua imigren-imigren buruh India sudah kurang di Tanah Melayu. Menurut Menteri Besar Selangor, Dato Hamzah Bin. Abddullah, bilangan buruh-buruh India di Selangor telah kurang selepas Perang Dunia Kedua kerana ramai daripada mereka telah dibawa oleh orang Jepun semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu ke Thailand untuk membina jalan keretapi dan yang pulang dari sana adalah sedikit. Selain itu buruh-buruh yang pergi melawat India tidak ingin pulang balik ke Tanah Melayu dan buruh-buruh India yang ada pada akhir tahun 1940an adalah yang menetap tetap di Tanah Melayu yang mengekalkan bahasa, kebudayaan dan agama mereka.<sup>52</sup> Mulai Ogos 1953 di bawah undang-undang immigresen baru yang diluluskan pada tahun 1952, penghijrahan orang-orang dari luar ke Tanah Melayu telah dihentikan.<sup>53</sup>

### *Imigran-imigran Profesional dan Perkeranian*

Setelah British telah mengukuhkan penguasaan mereka ke atas Tanah Melayu, pentadbiran kerajaan, komersial, agensi-agensi kerajaan dan persendirian dijalankan terutamanya dalam bahasa Inggeris. Oleh itu selain imigran buruh-buruh India, golongan berpendidikan Inggeris ikhtisas atau profesional dan kerani-kerani juga dibawa masuk ke Tanah Melayu. Golongan ikhtisas dan perkeranian ini termasuklah doktor-doktor, guru-guru, peguam-pegawai, sami-sami, pentadbir-pentadbir rendah, kerani-kerani dan juruteknik-juruteknik. Mereka keseluruhannya berpendidikan Inggeris dan bekerja dalam sektor perdagangan dan memenuhi jawatan-jawatan rendah dalam pentadbiran.

Kedatangan imigran-imigran profesional dan perkeranian disebabkan kerana orang berpendidikan Inggeris di kalangan orang Melayu pada awalnya boleh dikatakan tidak ada. Ini disebabkan pihak British pada awalnya tidak ingin memberikan pendidikan Inggeris kepada orang Melayu dan orang tempatan yang mahir dalam bahasa Inggeris pun perlu latihan untuk berkhidmat di dalam kerajaan atau dunia perdagangan. Bilangan orang yang berpengetahuan bahasa Inggeris adalah kecil dan sebahagian besar mereka adalah orang Cina. Orang Cina yang berpendidikan Inggeris lebih suka bekerja secara persendirian dalam bidang perniagaan atau bekerja di bawah orang Cina daripada bekerja dengan kerajaaan atau kaum lain.

Oleh itu pihak British di Tanah Melayu terpaksa membawa orang berpendidikan Inggeris dari luar untuk memenuhi keperluan kakitangan bawahan dalam pentadbiran di Tanah Melayu. Orang Sri Lanka dan India menjadi tumpuan British kerana tidak perlu membayar gaji yang tinggi berbanding dari negara-negar lain seperti Australia dan New Zealand. Gaji yang ditawarkan kepada kerani, guru dan penolong juruteknik pada akhir abad ke-19 di Tanah Melayu adalah dua atau tiga atau kadang-kala empat kali lebih tinggi dari negara India. Selain itu pekerjaan kerajaan yang tetap dan Sri Lanka dan India tidak jauh Tanah Melayu telah menarik golongan berpendidikan India dan Sri Lanka datang ke Tanah Melayu.<sup>54</sup>

Golongan profesional dan perkeranian yang mula-mula sekali datang ialah orang Tamil Sri Lanka, kemudian diikuti dengan ramainya dari India Selatan. Sebahagian besar daripada orang India Selatan ini ialah orang Malayali dari Kerala. Mereka inilah yang menguasai perkhidmatan-perkhidmatan dan tadbir rendah di dalam jabatan-jabatan kerajaan serta perdagangan. Ramai daripada mereka juga menjadi mandor-mandor ladang, kerani-kerani dan penolong-penolong pengurus di ladang-ladang getah dan kelapa sawit kepunyaan orang-orang Eropah. Mereka selalunya tinggal di

rumah-rumah yang disediakan oleh majikan dan mengamalkan cara hidup orang Barat.

Golongan profesional dan wartawan telah mewakili orang India untuk memberi pandangan mereka kepada pihak British sehingga Perang Dunia Kedua. Tetapi bilangan mereka ini sangat kecil, iaitu pada tahun 1934 hanya ada 18 orang peguam dan 74 orang doktor. Golongan profesional yang terlibat dalam politik di India tidak dibenarkan datang ke Tanah Melayu.<sup>55</sup> Oleh itu pendapat dan pengaruh mereka tidak menonjol dan tidak begitu memberi kesan.

### *Imigran-imigran Perdagangan*

Selain golongan imigran-imigran buruh India, profesional dan perkeranian India, satu lagi golongan imigran yang penting yang datang ke Tanah Melayu dari India ialah golongan saudagar-saudagar dan pedagang-pedagang India. Sebelum pembukaan Pulau Pinang lagi sudah terdapat pedagang-pedagang India di Perlis, Kedah, Melaka, Johor dan Acheh. Ramai daripada mereka ini kemudiannya telah bertumpu ke Pulau Pinang dan kemudiannya ke Singapura. Kedatangan pengusaha-pengusaha kecil, ahli peniaga, pemodal-pemodal, saudagar-saudagar dan pedagang-pedagang India telah meningkat apabila peluang untuk bermiaga dan bekerja terbuka luas di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu.

Pada mulanya pedagang-pedagang India datang untuk memberi perkhidmatan dan membekalkan barang-barang keperluan bagi orang-orang keturunan India tetapi situasi berubah beransur-ansur dan mereka mula menguasai semua bidang perniagaan bagi barang-barang yang diimport dari India. Selain memberi perkhidmatan kepada kaum mereka sendiri, mereka juga membekalkan barang-barang bagi pasaran di bandar-bandar yang semakin meningkat.<sup>56</sup>

Kepesatan perkembangan ekonomi Tanah Melayu turut galakkan kedatangan mereka dan mereka datang secara persendirian atau secara naungan orang lain atau melalui agensi-agensi.<sup>57</sup> Pedagang-pedagang ini datang terutamanya dari India Selatan khususnya dari Malabar dan Pantai Koromandel dan dari India Utara terdiri terutamanya daripada orang-orang Benggali, Punjabi, Gujerat, Sindhi dan Sikh. Orang India Utara terlibat dalam perniagaan kain, barang-barang siap, import dan eksport terutamanya bahan makanan.<sup>58</sup> Orang Gujerat dan Sindhi telah memiliki firma-firma tekstil yang penting di Tanah Melayu dan Singapura.<sup>59</sup> Orang Sikh pula terlibat dalam perkhidmatan-perkhidmatan keselamatan, mereka juga terlibat dalam kegiatan pinjaman wang (*money lending*) terutamanya golongan jaga. Jaga mempunyai masa untuk terlibat dalam kegiatan pinjaman wang dan mereka menjalankan kegiatan mereka di tempat kerja mereka.

Dari India Selatan golongan pedagang-pedagang dan pemodal-pemodal yang utama datang ke Tanah Melayu ialah golongan Chettiar. Orang-orang Chettiar yang datang dari Madras menjadi pemodal-pemodal atau ceti, pengurus bank, pedagang-pedagang dan sebagainya. Komuniti Chettiar di Tanah Melayu telah memainkan peranan penting dalam membiayai kewangan bagi memajukan Tanah Melayu. Pada tahun 1937, pelaburan golongan Chettiar di Tanah Melayu ialah sebanyak \$ 300,000,000.00.<sup>60</sup>

Bilangan orang Chettiar sangat kurang, iaitu kurang daripada 2000 orang pada tahun 1930.<sup>61</sup> Golongan Chettiar mempunyai hubungan rapat dengan negara India dan selalu ulang-alik. Mereka merupakan masyarakat yang hidup tertutup dan mempunyai pertubuhan-pertubuhan tersendiri bagi menjaga kepentingan mereka. Contohnya mereka mempunyai dewan perniagaan mereka tersendiri. Orang Chettiar terutamanya Nattukottai Chettiar merupakan orang kaya di kalangan orang India. Bilangan mereka menjadi sangat kurang pada awal tahun 1930an kerana ancaman politik kepada kegiatan ekonomi mereka menyebabkan kebanyakan mereka pulang ke India.

<sup>62</sup> Selain golongan Chettiar, orang Tamil dari India Selatan juga terlibat dalam bidang perdagangan.

Orang India Muslim dari India Selatan, iaitu Moplahs dan Marakkayar adalah lebih ramai berbanding orang lain, iaitu 40,000 orang Marakkayar pada tahun 1930 dan kebanyakannya terlibat dalam perniagaan borong secara besar-besaran serta kebanyakannya mereka kurang berpendidikan dan kurang melibatkan diri dalam politik. Ada juga golongan Tamil Muslim berkahwin dengan orang tempatan dan mereka digelar sebagai Jawi Peranakan di Pulau Pinang.<sup>63</sup>

Sebahagian besar daripada imigran-imigran pedagang bekerja sebagai saudagar-saudagar, pedagang-pedagang, pemodal-pemodal atau ceti, pekedai-pekedai, jurujual, tukang ubat dan penjaja. Golongan ini datang daripada latarbelakang sosial dan ekonomi yang tinggi daripada buruh India Selatan. Mereka ini lebih pandai dan bercita-cita tinggi dan secara amnya mereka berjaya dalam bidang ekonomi, sosial dan politik dalam masyarakat Tanah Melayu. Bersama dengan golongan dari kelas ikhtisas, golongan pedagang merupakan golongan bistari dalam masyarakat India di Tanah Melayu.

Kegiatan perniagaan dan perdagangan di kalangan orang-orang India adalah dikendalikan secara persendirian. Perniagaan dan perdagangan mereka akan diserahkan kepada anak-anak mereka. Anak-anak mereka akan dilatih dari kecil untuk mengambil-alih perniagaan mereka. Perhijrahan golongan perdagangan telah bertambah pada tahun 1930an selepas pengharaman kedatangan imigran-imigran buruh tidak mahir.

### **Dasar Ekonomi British di Tanah Melayu**

Dasar ekonomi yang diamalkan oleh British di Tanah Melayu juga telah menggalakkan kedatangan golongan pedagang. Pihak British ingin

memajukan ekonomi kapitalisme di Tanah Melayu. Ekonomi kapitalisme, iaitu sektor pertanian dan perlombongan hanya boleh dimajukan jika pelabur-pelabur yang berada di NNS terutamanya orang Eropah melabur di sektor-sektor tersebut. Ini hanya boleh dicapai jika perdagangan dapat dimajukan di Tanah Melayu. Oleh itu pihak British telah menyediakan beberapa kemudahan bagi memajukan perdagangan.

Pemajakan tanah dan menjual tanah kerajaan secara lelong, iaitu sistem liberal yang digunakan oleh Raffles di Singapura di awal tahun 1820an dan 1841 di Pulau Pinang<sup>64</sup> juga telah menggalakkan para pemodal melabur di Tanah Melayu. Para pelabur berminat untuk memajukan pertanian untuk dieksport. Ini dilihat sebagai pelaburan jangka panjang. Selain itu pihak British juga telah memberikan pelbagai galakan kepada para pelabur.

Dasar perdagangan bebas yang diamalkan di pelabuhan-pelabuhan NNS telah menarik pedagang-pedagang Eropah, Cina, Kepulauan Melayu dan India. Pelabuhan-pelabuhan bebas menjadi tumpuan para pedagang kerana tidak perlu membayar cukai-cukai import dan eksport. Oleh itu pelabuhan-pelabuhan bebas seperti Pulau Pinang dan Singapura menjadi tumpuan para pedagang.

Pembukaan Hong Kong dan Persetiaan pelabuhan-pelabuhan di negeri China telah memajukan lagi perdagangan di pelabuhan-pelabuhan NNS. Semua hasil-hasil selat boleh dapat dari pelabuhan-pelabuhan ini. Kapal-kapal dari semua negara singgah di pelabuhan-pelabuhan Selat terutamanya Singapura untuk mendapatkan hasil-hasil selat.

Dasar-dasar British dalam memajukan perdagangan di Tanah Melayu telah menggalakkan kedatangan para pelabur dan pedagang ke Tanah Melayu. Walaupun para pelabur dan pedagang yang datang kebanyakan orang

Eropah dan Cina tetapi sebilangan kecil orang India juga telah menggunakan kesempatan ini untuk melabur dan berdagang di Tanah Melayu.

Majoriti imigran-imigran yang datang dari China dan India pada awalnya tidak bermaksud menetap tetap di Tanah Melayu. Mereka datang ke Tanah Melayu untuk mencari kekayaan, kemudian pulang ke negara asal mereka. Setengah daripada mereka ini mengalami fenomena '*rootlessness Complex*'.<sup>65</sup>

## Kesimpulan

Hubungan di antara India dan Tanah Melayu yang bermula berabad-abad dahulu disebabkan oleh perdagangan diteruskan juga semasa pemerintahan British di Tanah Melayu. Orang-orang India yang datang ke Tanah Melayu sebelum kedatangan British ialah pedagang-pedagang, saudagar-saudagar, sami-sami dan sebagainya. Mereka datang untuk tujuan perdagangan dan menyebarkan agama Hindu dan Buddha. Semasa pemerintahan British di Tanah Melayu, kebanyakan orang India dibawa atau datang sebagai buruh-buruh. Mereka ini dibawa untuk membuka ladang-ladang serta bekerja di ladang-ladang dan membina kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, jalan kereta api, pelabuhan dan sebagainya. Imigran-imigran buruh merupakan golongan orang India yang terbesar di Tanah Melayu.

Selain imigran-imigran buruh, imigran India yang lain ialah ikhtisas dan perkeranian. Pihak British bagi memudahkan pentadbiran mereka di Tanah Melayu, mereka membawa orang India dan orang Sri Lanka untuk memenuhi jawatan-jawatan perkeranian bawahan dalam pentadbiran. Ini adalah kerana mereka mempunyai pengalaman bekerja dengan pihak British di India dan Sri Lanka. Selain itu mereka menguasai bahasa Inggeris dengan

baik dan khidmat mereka adalah lebih murah daripada orang-orang Eropah . Golongan ikhtisas India seperti peguam dan doktor telah dibawa atau datang untuk memenuhi peluang-peluang pekerjaan di Tanah Melayu tetapi bilangan mereka adalah sangat kecil.

Kedatangan imigran-imigran India buruh, profesional atau ikhtisas dan perkeranian telah menggalakkan kedatangan imigran-imigran peniaga, pedagang dan saudagar India ke Tanah Melayu. Pada mulanya mereka datang untuk memenuhi keperluan orang-orang India yang terdapat di Tanah Melayu tetapi lama-kelamaan mereka mula memainkan peranan penting dalam perdagangan Tanah Melayu. Mereka merupakan golongan kapitalis atau elit di kalangan orang-orang India.

Boleh dikatakan sehingga penghujung pemerintahan British di Tanah Melayu, orang India terlibat dalam semua sektor ekonomi, iaitu dari hierarki ekonomi yang tertinggi kepada yang terendah. Contohnya dari menteri kabinet, pengurus bank kepada penjual roti dan penoreh getah di luar bandar. Orang India juga telah menyumbangkan sumbangan yang besar dalam ekonomi dan pembangunan Tanah Melayu. Dalam perbincangan ini akan dibincangkan tentang imigran peniaga-peniaga, pedagang-pedagang dan saudagar-saudagar India dan pertubuhan-pertubuhan atau dewan-dewan perniagaan mereka.

## **Nota Hujung:**

- <sup>1</sup> . Indians In Early Malaya, Petaling Jaya :U.P. Uthaman & Bros. (Tiada tahun dan nama pengarang, ia berbentuk risalah).
- <sup>2</sup> . D.G.E. Hall, Sejarah Awal Asia Tenggara, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm.,16.
- <sup>3</sup> . Ibid.
- <sup>4</sup> . Ibid.
- <sup>5</sup> . Ibid. hlm. 17.
- <sup>6</sup> . Ibid. hlm. 2.
- <sup>7</sup> . Ibid. hlm. 3.
- <sup>8</sup> . Richard Winsted, Malaya and It's History, London: Hutchinson University Library, 1966, hlm.24.
- <sup>9</sup> . D.G.E. Hall., op.cit., hlm.24-25.
- <sup>10</sup> . Ibid.
- <sup>11</sup> . Amarjit Kaur, 'North Indians: A Study of Their Economic, Social and Political Activities with Special Reference to Selangor, 1870s-1940s', M.A Thesis, University of Malaya, 1973, hlm. 1.
- <sup>12</sup> . Alexander Verghese, Tamil Oli," Indian Immigration", Vol. 5, 1965/1966, hlm., 93.
- <sup>13</sup> . Amarjit Kaur, op.cit., hlm. 2.
- <sup>14</sup> . M.N. Nair, Indians In Malaya. 1937, hlm. 1.(Laporan ini telah ditulis selepas dibuat kajian tentang orang India dan masalah yang mereka hadapi ).
- <sup>15</sup> . S. Arasaratnam, Indian In Malaysia and Singapore, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 1.
- <sup>16</sup> . Sila lihat Fail P/IM 2 : J. Geogmegan Esq., Immigration From India: Under Secretary to the Government of India Department of Agriculture, Revenue, and Commerce. 1873.
- <sup>17</sup> . Ibid, hlm. 93.
- <sup>18</sup> . Ibid.
- <sup>19</sup> . Ibid.
- <sup>20</sup> . Kernal Singh Sandhu, Indian Communities In Southeast Asia : "The Coming of The Indians to Malaysia" ,K.S. Sandhu dan A. Mani (ed), Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1993. hlm. 151.
- <sup>21</sup> . Ibid.
- <sup>22</sup> . Ibid.
- <sup>23</sup> . Ampalavanar Rajeswary, The Indian Minority and Political Change, 1935-1957, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981, hlm. 1.
- <sup>24</sup> . Alexander Verghese, op.cit. hlm. 1.
- <sup>25</sup> . Ampalavanar Rajeswary, op.cit.
- <sup>26</sup> . Michael Stenson, Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case. Queensland: University of Queensland Press, 1980, hlm. 26.
- <sup>27</sup> . M.N. Nair, op.cit., hlm. 40.
- <sup>28</sup> . Sinnappah Arasaratnam, Indians In Malaysia And Singapore, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, hlm.10-12.
- <sup>29</sup> . M.N. Nair, op.cit., hlm. 94.
- <sup>30</sup> . Sinnappah Arasaratnam, op.cit, hlm. 13.
- <sup>31</sup> . Ibid.
- <sup>32</sup> . M.N. Nair, op.cit., hlm. 94.
- <sup>33</sup> . Tan Ding Eing, Sejarah Malaysia dan Singapura, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 284.
- <sup>34</sup> . The Indian. 10.7. 1937, No. 80. hlm. 13.
- <sup>35</sup> . Sila lihat Fail P/IM 2. Annual Report: Report of The Indian Immigration, 1900, hlm. 5.
- <sup>36</sup> . Ibid.
- <sup>37</sup> . Ibid.
- <sup>38</sup> . Ibid. hlm. 3 .
- <sup>39</sup> . Ibid.

- 
- <sup>40</sup> . Ibid., hlm. 22.
- <sup>41</sup> . Ibid., hlm. 28.
- <sup>42</sup> . Alexander Verghese, op.cit., hlm. 95.
- <sup>43</sup> . The Indian, 10.7.1937, No. 80, hlm. 13.
- <sup>44</sup> . Ibid.
- <sup>45</sup> . The Indian, 11.3.1947, Vol.5, No. 20, hlm. 20.
- <sup>46</sup> . Alexander Verghese, op.cit., hlm . 95.
- <sup>47</sup> . Bagi perbandingan pertambahan buruh India pada tahun 1943 dari tahun 1933, rujuk lampiran.
- <sup>48</sup> . Alexander Verghese, op.cit., hlm. 98.
- <sup>49</sup> . Maklumat ini diambil daripada akhbar Tamil Nesan , 2.4.38, Vol. 14, No. 171, hlm. 9.
- <sup>50</sup> . Ibid.
- <sup>51</sup> . Tamil Nesan, 3.11. 1938, Vol. 15, No.44, hlm. 4.
- <sup>52</sup> . Sila lihat fail Federation of Malaya , Annual Report on the Sosial and Economic of The People of Selangor, By Dato Hamzah Bin Abdullah, Menteri Besar Selangor.
- <sup>53</sup> . Indian Daily Mail, 25.4.1953, Vol.9, No. 73, hlm.1.
- <sup>54</sup> . Kernal Singh Sandhu, Indians In Malaya: Some Aspects of Immigration and Settlement, Cambrige: The University Press, 1969, hlm. 67
- <sup>55</sup> . Michael Stenson, Class, Race and Colonialism in West malaysia: The Indian Case, Queensland: University of Queensland Press, hlm. 27.
- <sup>56</sup> . Sinnappah Arasaratnam, op.cit., hlm. 35.
- <sup>57</sup> . Kernal Singh Sandhu, Indians In Malaya: Some Aspects of Immigration and Settlement, op.cit., hlm. 73.
- <sup>58</sup> . Sinnappah Arasaratnam, op.cit. hlm. 36.
- <sup>59</sup> . Ampalavanar Rajeswary, op.cit., hlm. 2.
- <sup>60</sup> . The Indian, 6.2.1937, No. 13, hlm. 2.
- <sup>61</sup> . Michael Stenson, op.cit., hlm. 27.
- <sup>62</sup> . Ibid.
- <sup>63</sup> . Ibid., hlm. 2.
- <sup>64</sup> . Tan Ding Eing, op.cit., hlm. 50.
- <sup>65</sup> . J.Rabindra Daniel, Tamil Oli" A Brief Historical Survey of The Involvement of The Indians in The Malayan Trade Union Movement", Vol 13, 1981/1982, hlm. 87.